

Guan Eng perlu buat penjelasan

Utusan Malaysia 10/11/18

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Menteri Kewangan, Lim Guan Eng diminta memberi penjelasan berhubung dakwaan Great Eastern Holdings Ltd. belum bersedia membuat sumbangan RM2 bilion bagi mewujudkan Skim Insurans B40.

Naib Ketua Pemuda UMNO, Shahril Sufian Hamdan yang hairan dengan apa yang berlaku berkata, mungkinkah Guan Eng telah berbohong di Dewan Rakyat dan di hadapan jutaan rakyat Malaysia.

“Mungkin ramai tertanya kenapa Great Eastern Holdings Ltd. sanggup menyumbang? Adakah untuk CSR (tanggungjawab sosial korporat)? Laporan media sama mendedahkan, rupanya syarikat itu sedang berbincang dengan kerajaan bagi mendapat pengecualian daripada syarat Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menjual kepentingan 30 peratus kepada

ion. Nampak tak unsur *quid pro quo* di situ,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Guan Eng dalam pembentangan Belanjawan 2019 baru-baru ini berkata, Great Eastern ber-setuju untuk mencarum RM2 bilion kepada dana pembangunan insurans.

Bagaimanapun, kelmarin, Great Eastern Holdings Ltd. mendakwa, pihaknya masih belum memberi kata putus berhubung sumbangan sebanyak RM2 bilion bagi

memenuhi ketetapan pemilikan asing di Malaysia.

Selain itu, Shahril Sufian turut mempersoalkan bagaimana Skim Insurans B40 tersebut akan dilaksanakan dan apa berlaku jika dana RM2 bilion habis digunakan.

“Skim insurans itu pun sekadar memberi perlindungan



SHAHRIL SUFIAN

syarikat tempatan.

“Secara jelas, Great Eastern Holdings Ltd. memberitahu satu kaedah untuk mendapat pengecualian ialah dengan membuat sumbangan RM2 bil-

gan RM8,000 untuk rawatan empat penyakit kritikal. RM8,000 memang tidak cukup dan belum jelas apa akan berlaku selepas habis RM2 bilion itu,” katanya.
